

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	05 MARCH 2017



SEBAHAGIAN daripada ahli pelbagai NGO menyatakan sokongan terhadap Sultan Johor dan mengecam Dr. Mahathir Mohamad di pekarangan Stadium Muar, Johor semalam. - MINGGUAN/MUHAMAD AIMY AHMAD

Forest City: NGO buat 115 laporan polis

UM - 5/3/2017

MUAR 4 Mac - Sebanyak 115 laporan polis telah dibuat oleh pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di seluruh negeri ini terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung tindak-tanduk Pengerusi Persatuan Pribumi Bersatu Malaysia itu yang didakwa memutar belit isu pembangunan di Forest City, Johor Bahru.

Naib Presiden Majlis Penyelaras Gabungan NGO Melayu Negeri Johor, Abdullah Md. Yusof berkata, pihaknya akan tetap berdiri teguh di belakang Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bagi berdepan anasir luar yang didakwa cuba menghasut

rakyat negeri itu.

“Kita turut mendesak Polis Diraja Malaysia memulakan siasatan terhadap Dr. Mahathir kerana sudah banyak laporan polis dibuat.

“Jika masih tiada siasatan, NGO terlibat tidak teragak-agak mengadakan siri bantahan yang lebih besar selepas ini atau meneruskan laporan polis sehingga tindakan diambil,” katanya selepas bersama kira-kira 50 NGO Muar berkumpul di pekarangan Stadium Muar, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden Majlis Penyelaras Gabungan NGO Melayu Negeri Johor, Zaini Atan dan

Penyelaras Gabungan Daerah Muar, Abd. Shukor Abd. Rahman.

Antara NGO yang hadir adalah Gabungan Daerah Muar, Gerakan Belia 4B, Gerakan Amal Selatan, PER 3 Malaysia, AKAL Malaysia, Anak Warisan Daulat Johor, Pembina Malaysia dan ACT Malaysia.

Yang turut serta, Majlis Api Sejagat Malaysia, Seri Mahkota Tari, Koperasi Perniagaan Guru-Guru Malaysia Muar Berhad, Persatuan Veteran ATM Cawangan Muar, Yayasan Kanser Malaysia, Majlis Penggiat-Penggiat Sukan Nasional Malaysia dan Persatuan Dewa Kalliamman Jalan Junid.